

6000 rumah dilanda banjir kilat

ALOR SETAR - Lebih 600 buah rumah di tiga taman di Kuala Kedah di sini dilanda banjir kilat dipercayai berpunca daripada sistem saliran yang tidak sempurna dan hujan berterusan sejak malam kelmarin.

Ia melibatkan Perumahan Awam Kuala Kedah, Taman Sri Putra dan Taman Desarena II berikutan hujan sekejap-sekejap antara pukul 11.30 malam kelmarin hingga tengah hari semalam.

Keadaan diburukkan lagi dengan ketiadaan perparitan sempurna berikutan pembinaan dua buah taman perumahan baharu di situ sejak tiga tahun lalu.

Seorang penduduk, Ismail Shaari, 46, mendakwa, banjir kilat sering melanda kawasan itu kira-kira tiga tahun lalu, malah bertambah buruk sejak awal tahun ini berikutan kerja-kerja menambak tanah bagi kawasan perumahan baharu iaitu Taman Desarena Indah.

“Pemaju tidak membina sistem saliran sempurna menyebabkan air dari kawasan perumahan itu melimpah ke Taman Desarena II,” katanya ketika ditemui di sini semalam.

Seorang penduduk di Taman Perumahan Awam Kuala Kedah, Ibrahim Osman, 77, pula memberitahu, air mulai naik kira-kira pukul 12 tengah malam kelmarin sebelum surut kira-kira pukul 3 pagi semalam.

Namun katanya, air naik semula kira-kira pukul 1 tengah hari berikutan hujan lebih sejam yang bermula pukul 10 pagi.

“Malam kelmarin air masuk ke dalam rumah paras buku lali dan pagi semalam air naik semula,” katanya.

Seorang lagi penduduk, Jefri Osman, 33, memberitahu, dia terpaksa membuat simen penghadang air di pintu bagi mengelak air memasuki rumah.

“Kaki set sofa pula terpaksa dilapik batu dan kerusi kayu dilapik bekas botol air mineral bagi me-



SEORANG penduduk, Jefri menimba air yang masuk ke dalam rumahnya akibat banjir kilat di Taman Desarena II, Kuala Kedah semalam.



LATT SHARIMAN (empat dari kiri) bersama penduduk meninjau keadaan banjir kilat di Taman Desarena II, Kuala Kedah semalam.

ngelak ditenggelami air,” katanya.

Tinjauan di ketiga-tiga taman tersebut mendapati penduduk sibuk mengeluarkan air yang bertakung dalam rumah manakala jalan di Taman Desarena II masih digenangi air sedalam 0.3 meter.

Air di Perumahan Awam Kuala Kedah dan Taman Sri Putra mulai surut kira-kira pukul 4 petang manakala sebuah pam yang dibawa oleh UMNO Bahagian Kuala Kedah digunakan bagi mengepam air yang bertakung di Taman Desarena II.

Dalam pada itu, Pegawai Tugas-Tugas Khas Perdana Menteri,

Datuk Latt Shariman Abdullah berkata, air tidak dapat mengalir dengan sempurna berikutan Sungai Tok Pasai yang tersumbat kerana dipenuhi sampah dan gagal diselenggara dengan baik.

Katanya, sistem perparitan di tiga taman perumahan ini juga perlu dilebar dan didalamkan lagi bagi memastikan sistem aliran air yang lancar.

“Pihak berkuasa tempatan perlu serius dalam aspek ini bagi memastikan banjir kilat tidak berlarutan lebih-lebih lagi musim tengkujuh ketika ini,” katanya.